

17/09/2003

BN Sabah pilih calon akur keputusan pemimpin

Mustapa Omar; Lichong Angkui

GELORA politik Sabah sering mendapat perhatian seluruh negara kerana ia mempunyai keunikan dan kepelbagaian tersendiri, selain dikatakan sebagai kayu pengukur politik negara. Wartawan BH, MUSTAPA OMAR dan LICHONG ANGKUI menemubual Ketua Menteri, Datuk Musa Aman di pejabatnya di Wisma Innoprise, Likas, Kota Kinabalu, baru-baru ini bagi mengetahui perkembangan mutakhir politik Sabah, di samping menyelami agenda politik, wawasan dan harapannya.

BERITA HARIAN (BH): Suasana politik Sabah sekarang kondusif untuk mengadakan pilihan raya negeri dan kemenangan Barisan Nasional (BN) di negeri ini akan menjadi kayu pengukur pilihan raya umum. Apa pandangan Datuk?

MUSA: Saya belum memikirkan tarikh pilihan raya secara serius. Pada pihak kita, kita bersedia menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa saja, sama ada serentak dengan Parlimen atau berasingan. Yang penting, kita harus berbincang dengan rakan komponen BN Sabah, tidak perlu tergesa-gesa kerana kita masih ada masa. Bagi kita, yang penting kita mesti memenangi semua kerusi yang ditandingi BN di Sabah kerana kemenangan adalah bukti sokongan rakyat terhadap kerajaan BN.

BH: Dari segi persediaan, Umno di Sabah mungkin tiada masalah. Bagaimana dengan parti komponen lain?

MUSA: Perkara ini (masalah) memang biasa. Ada saja selisih faham antara parti komponen BN (sebelum pilihan raya). Tetapi biasanya apabila menghadapi pilihan raya, kita akan bersatu dan bekerjasama. Yang remeh-temeh akan diketepikan, sebaliknya sama-sama memastikan calon BN mendapat kemenangan besar.

BH: Ada di kalangan parti komponen BN Sabah seolah-olah mahu berebut kawasan?

MUSA: Semua parti berhak mengemukakan permintaan masing-masing. Selalunya parti akan meminta sebanyak mungkin dan kita akan pertimbangkan semua itu. Apabila keputusan diambil dan dipersetujui, kita mesti akur. Inilah tradisi BN, kita akan akur apabila sudah ditentukan agihan kerusi. Saya tidak melihat perpecahan wujud antara parti komponen BN di Sabah. Perbezaan pendapat adalah lumrah, tetapi ia tidaklah sampai ke peringkat mengancam perpaduan dan semangat setia kawan BN.

BH: Apakah pertimbangan Datuk sebelum menentukan tarikh pilihan raya?

MUSA: Kita akan melihat waktu yang benar-benar sesuai dan dipersetujui oleh pucuk pimpinan tertinggi BN, khususnya Pengerusi BN yakni Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

BH: Bagaimana pengagihan tambahan 12 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan lima kawasan Parlimen serta apakah kriteria calon BN untuk kawasan berkenaan?

MUSA: Kita tengok kawasan dan keadaan penduduk. Semua ini akan diambil kira. Kita mempunyai kriteria tertentu yang sudah kita amalkan sejak sekian lama dalam BN. Asas utama pemilihan calon ialah yang boleh menjamin kemenangan BN, diterima masyarakat setempat, berkebolehan dan lain-lain lagi. Banyak lagi kriteria perlu dilihat, umpamanya calon mesti amanah, jujur, rajin bekerja dan berwibawa. Bagaimanapun, asas utama yang kita pegang ialah tradisi patuh kepada keputusan pucuk pimpinan dan akur dengan sebarang keputusan yang dibuat.

BH: Wanita BN Sabah awal-awal lagi minta 10 kerusi, adakah ini satu permintaan yang munasabah?

MUSA: Semua pihak boleh menyatakan permintaan mereka kerana itu adalah hak masing-masing. Bagaimanapun, pucuk pimpinan parti akan membuat keputusan sewajarnya dan keputusan ini adalah muktamad serta wajib

dipatuhi oleh semua ahli parti komponen.

BH: Dalam DUN Sabah sekarang sifar pembangkang, siapakah sebenarnya 'pembangkang' yang memberi cabaran kepada BN?

MUSA: Buat masa ini tidak ada pembangkang di DUN Sabah, malah di luar DUN pun tidak ada pembangkang yang mempunyai kredibiliti. Bagaimanapun, ia tidak menjadikan kita leka dan kita akan terus bekerja kuat memastikan kemenangan BN dan melaksanakan pembangunan untuk kepentingan rakyat keseluruhannya. Ancaman yang paling besar sebenarnya ialah perpecahan ahli parti komponen atau antara parti komponen BN.

Yang jelas, tiada pembangkang utama di Sabah selepas Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai BN. Pembangkang masih ada seperti Pas, Keadilan dan DAP, tetapi yang penting kita jangan lalai dan alpa kerana kita perlu jentera dikemas kini dan terus bersedia menghadapi pilihan raya.

BH: Bagaimana dengan soal calon bebas tetapi sokong BN?

MUSA: Saya sudah katakan tiada istilah calon bebas sokong BN. Semua calon yang dipilih mesti daripada parti komponen BN. Tidak boleh ada calon bebas tetapi sokong BN.

BH: Umno Sabah mempunyai 25 bahagian, termasuk lima bahagian baru, sekali gus menjadikan negeri ini antara yang mempunyai kuasa pengimbang?

MUSA: Kita gembira kerana Umno Sabah kini adalah negeri kedua paling ramai keahliannya di kalangan negeri lain di Malaysia. Sama ada Umno Sabah boleh menjadi kuasa pengimbang atau tidak itu tidak penting, tetapi apa yang lebih kita pentingkan ialah bagaimana kita boleh menyumbang dengan lebih efektif kepada usaha mengukuhkan Umno dan mengangkat martabat bangsa, agama dan negara.

BH: Pemilihan parti akan diadakan tahun depan. Apakah wajar Umno Sabah mempunyai calon Naib Presiden?

MUSA: Kita akan fikirkan perkara itu kemudian. Pada kita apa yang paling penting ialah apa yang dapat kita sumbangkan dengan lebih bermakna kepada parti dan bukannya kedudukan atau jawatan yang kita sandang.

Walaupun Umno Sabah ada 25 bahagian, kita tidak akan 'demand'. Ini bukan cara kita. Kita berkhidmat secara ikhlas, kita berjuang secara jujur. Yang penting kita berusaha ke arah menguatkan Umno dan BN. Kepentingan parti lebih penting daripada kepentingan peribadi. Soal pangkat dan jawatan bagi saya, itu perkara yang tidak harus menjadi keutamaan. Yang penting mantapkan parti supaya dalam pilihan raya kita dapat menangi semua kerusi yang ditandingi. Umno mesti kuat, mantap dan bersatu padu.

BH: Umno di Sabah menjangkau usia 12 tahun, bagaimana kemajuannya?

MUSA: Alhamdulillah, sekarang Umno begitu kuat dan mantap di Sabah, jumlah ahli bertambah. Ini menunjukkan Umno diterima rakyat Sabah, bukan saja Bumiputera Islam, tetapi juga kaum lain yang dibenarkan menjadi ahli. Jadi, nampak jelas Umno diterima segenap lapisan rakyat.

BH: Khabarnya, Umno Sabah ada kelompok tertentu?

MUSA: Saya kira perkara ini tidak wujud. Ia cuma tanggapan orang luar. Kita bersatu dalam Umno. Mungkin sedikit masa dulu ada orang cerita mengenainya sebab peralihan jawatan Ketua Menteri, tapi kini selepas saya dilantik, semua pemimpin Umno Sabah memberi sokongan padu kepada saya. Alhamdulillah, saya diterima dan boleh bekerjasama dengan semua.

BH: Bagaimana hubungan Kerajaan Sabah-Persekutuan sekarang?

MUSA: Amat baik dan berada pada tahap amat memberangsangkan. Hubungan erat ini menguntungkan kita kerana pelbagai program pembangunan dapat dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama Kerajaan Persekutuan.

Kita sedang berusaha menterjemahkan hubungan erat antara pemimpin Persekutuan dan negeri ke segenap peringkat seperti kakitangan awam dan juga rakyat keseluruhannya. Kita akan terus pertahankan hubungan baik ini dengan memastikan BN terus memerintah Sabah.

Sebanyak 99 jabatan dan agensi Persekutuan di Sabah juga menyatakan komitmen mereka untuk turut sama merealisasikan Hala Tuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah yang saya bentangkan ketika mula memegang jawatan sebagai Ketua Menteri dulu.

BH: Bagaimana Datuk melihat unjuran pertumbuhan ekonomi Sabah?

MUSA: Unjuran pertumbuhan ekonomi Sabah amat memberangsangkan dan kita yakin keadaan akan dipulihkan selagi kerajaan BN terus memegang tampuk pemerintahan di Sabah. Dalam hala tuju yang saya gariskan, tiga sektor iaitu pertanian, pelancongan dan pembuatan diberi penekanan. Saya yakin kita ada potensi yang baik jika dapat dieksploitasi dengan cara yang baik, terutama pertanian dan pelancongan.

Saya minta Kementerian Pertanian berusaha bangun tanah terbiar. Ini akan menyediakan pekerjaan serta membawa hasil dari tanah itu. Kita akan bangun tanah ini. Begitu juga tanaman kelapa sawit, kita galakkan pekebun kecil untuk mengusahakannya.

BH: Bagaimana dengan sektor pelancongan?

Musa: Kerajaan negeri sudah banyak berusaha, termasuk meminta Penerbangan Malaysia (MAS) menambah hak mendarat di beberapa tempat selain penerbangan terus MAS ke China, Australia dan Indonesia. Kita juga sudah memperkemas dan membangunkan kemudahan untuk pelancong. Kita banyak hotel yang baik dan indah, malah kita akan tambah jika diperlukan.

Sabah juga kaya dengan sumber alam semula jadi dengan kepelbagaian bionya. Banyak tempat sesuai untuk dipromosikan seperti Kinabatangan dan Lahad Datu selain resort di pulau peranginan. Satu daripadanya ialah di Sipadan yang kita sedang promosikan.

BH: Dulu Sabah dikenali negeri kaya, tapi kini sumber balak semakin pupus, apakah potensi yang ada di negeri ini?

MUSA: Kita sedang mempelbagaikan sumber ekonomi negeri. Kita sudah mengenal pasti beberapa sektor yang mempunyai potensi besar seperti pertanian, pelancongan dan pembuatan.

Kita sedang berusaha gigih untuk memajukan sektor ini dan kita yakin kita dapat menikmati hasilnya dengan kerjasama serta komitmen tinggi semua pihak yang terbabit.

BH: Ketika memulakan tugas sebagai KM pada Mac lalu, Datuk menggariskan hala tuju tersendiri yang menumpukan kepada empat bidang utama. Bagaimana penerimaan dan kemajuan hala tuju itu?

MUSA: Alhamdulillah, setakat ini Hala Tuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah yang saya bentangkan ketika mula menjadi Ketua Menteri dulu diterima baik oleh semua pihak. Pada pihak jentera kerajaan, beberapa kementerian sudah menterjemahkan hala tuju ini kepada pelan tindakan untuk direalisasikan. Begitu juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sama-sama berkongsi hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam hala tuju ini. Ini termasuk pihak kakitangan kerajaan dan agensinya, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Hala tuju ini sebenarnya bukan saja dasar pembangunan dan kemajuan milik kerajaan tetapi juga rakyat negeri ini secara keseluruhannya.

BH: Datuk Seri Dr Mahathir akan bersara Oktober ini dan Datuk Seri Abdullah akan menggantikannya, bagaimana Datuk melihat kepemimpinan kedua-dua tokoh ini?

MUSA: Kedua-dua tokoh ini mempunyai keistimewaan masing-masing. Datuk Seri Dr Mahathir membuktikan kepemimpinan yang amat cemerlang sehingga dikagumi kawan dan lawan sama ada di dalam negeri mahupun pada peringkat antarabangsa. Saya yakin Datuk Seri Abdullah juga mempunyai keupayaan tersendiri.

Malaysia akan terus dinamik dan maju dan berupaya menjayakan Wawasan 2020 yang sudah digariskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir. Sesungguhnya, perjuangan ke arah memartabatkan negara dan bangsa adalah perjuangan berterusan dan saya yakin Datuk Seri Abdullah akan menguruskan kejayaan yang dicapai negara dengan baik.

BH: Apakah sumbangan bermakna Datuk Seri Dr Mahathir kepada politik Sabah?

MUSA: Sumbangan terbesar Datuk Seri Dr Mahathir kepada politik Sabah ialah keupayaannya mewujudkan kestabilan politik di negeri ini. Kini, Sabah mencatat sejarah dalam arena politik tanah air apabila tidak wujudnya pembangkang di Sabah. Di kalangan masyarakat Bumiputera pula, usaha membawa masuk Umno ke Sabah adalah sumbangan beliau yang tidak akan

dilupakan sampai bila-bila oleh masyarakat Bumiputera di negeri ini.

Melalui Umno, kita kini terbabit secara langsung dengan arus politik perdana dan tidak lagi terkongkong oleh politik tempatan di negeri ini semata-mata. Datuk Seri Dr Mahathir juga membantu membawa pembangunan ke negeri ini dengan mendirikan Universiti Malaysia Sabah, membantu mempertingkatkan kualiti dan kuantiti kemudahan infrastruktur, menyediakan kemudahan perumahan, bangunan sekolah, hospital dan lain-lain lagi.